



LEMBAGA  
LEBUHRAYA  
MALAYSIA

## IKLAN JAWATAN KOSONG (LUARAN)

Rujukan Fail: LLM.500-3/1/1 ( 41 )

### 1) PEGAWAI TADBIR (GRED N9)

1. (a) Jawatan : Pegawai Tadbir (Gred N9)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan
2. Jadual Gaji : RM2,250.00 - RM11,110.00

#### 3. Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N9 : RM2,250.00); atau

- ii) Ijazah Sarjan Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N9 : RM2,470.00); dan

- (d) Memilik Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak
5. Fungsi Bidang Tugas :

Melaksanakan tugas-tugas berkaitan pengurusan sumber manusia, latihan, perkhidmatan, pentadbiran pejabat, kualiti, hal ehwal korporat, pengurusan aset, pengambilan tanah, pemantauan projek lebuh raya bertol, mengaudit trafik dan hasil tol serta auditan dalaman selaras dengan pekelling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

## 2) PENOLONG JURUTERA (ELEKTRIK) (GRED JA5)

1. (a) Jawatan : Penolong Jurutera (Elektrik)  
(Gred JA5)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
1. Jadual Gaji : RM1,650.00 - RM6,620.00

### 2. Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau

- (ii) Diploma dalam kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00); dan

- (d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Taraf Jawatan : Kontrak (Penempatan di Pejabat Wilayah Utara LLM)

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan mekanikal dan elektrik iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyemak lukisan kejuruteraan, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

### **3) PEMBANTU KHIDMAT AM (GRED H1)**

- 1. (a) Jawatan : Pembantu Khidmat Am (Gred H1)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran
- 2. Jadual Gaji : RM1,500.00 - RM4,680.00
- 3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1:RM1,500.00); atau

- ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H: RM1,561.00); atau

- iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H: RM1,622.00); dan

- v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1 (d)

- d) i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/C/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P) dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan; dan

- e) Memilik Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Kontrak (Penempatan di Pejabat Wilayah Utara LLM)

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan serta menjaga kenderaan di bawah kelolaan supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan dan membantu tugas-tugas am bagi memastikan kelancaran urusan seharian pejabat berjalan dengan lancar

### **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara *on-line* melalui laman sesawang Lembaga Lebuhraya Malaysia di alamat <http://ejawatan.llm.gov.my> mulai **25 November 2024 (Isnin)** hingga **8 Disember 2024 (Ahad)**.

### **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **9 Disember 2024 (Isnin)**

### **PERMOHONAN DITOLAK**

Permohonan akan ditolak sekiranya:

- i) Tidak lengkap;
- ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- iii) Permohonan diterima pada atau selepas tarikh tutup permohonan; dan
- iv) Tidak menyertakan jawapan kepada soalan esei bersama-sama borang permohonan.

### **CATATAN AM**

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga tidak ditanggung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia